



26 November 2018

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Gugusan Jengka 18 Zon 02.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Gugusan Jengka 18 Zon 02 telah melantik Trans Certification International Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan FELDA Gugusan Jengka 18 Zon 02. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 5 rancangan yang diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Felda GugusanJengka 18 Zon 02.

Trans Certification International Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi FELDA Gugusan Jengka 18 Zon 02. pada 26 hingga 28 Disember 2018. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholder'. Salinan Standard MSPO 2530-3-2013 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.



Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Jumlah Peneroka	Rujukan GPS
Jengka 18	Pejabat Felda Jengka 18, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang.	1807.3	468	Longitude : E 102° 32' 41" Latitude : N 3° 36' 13"
Jengka 19	Pejabat Felda Jengka 19, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang.	2417.34	597	Longitude : E 102°31'10.2" Latitude : N 03°34'10.7"
Jengka 20	Pejabat FELDA Jengka 20 26400 bandar Jengka Pahang	1882.71	409	Longitude : 102.5443°E Latitude : 3.6541°N
Kg. Awah	Pejabat Felda Kg Awah,28030 Temerloh, Pahang Darul Makmur.	947.38	334	Longitude : E 102° 31' 10" Latitude : N 3° 29' 50"
Sg. Nerek	Pejabat Felda Sg Nerek,28030 Temerloh Pahang	1365.68	350	Longitude : 102.5332°E Latitude : 3.5403°N

Trans Certification International Sdn Bhd adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TCI adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TCI telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TCI telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web:<https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification International Sdn Bhd yang akan melaksanakan audit penilaian di FELDA Gugusan Jengka 18 Zon 02 terdiri daripada:



- i) **En. Ermadasila** sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) **En. Wan Mohammad Azlan** sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 27 Disember 2018
Masa : 10.00am-12.00pm
Lokasi : Pejabat Felda Jengka 18,
26400 Bandar Tun Abdul Razak
Jengka, Pahang.

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk bertemu bersama Juruaudit semasa Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan



Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Penyelaras Skim

Aini Nazurah Mohd Zi
Trans Certification International Sdn
Bhd.
No. B52, Tingkat 1,
Jalan IM3/10, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang.
Email: info@transcert.com.my

DAN/ATAU

Auditee:

Mohammad Nazri Ulin

Plantation Officer
Level 36, Menara FELDA,
No. 11, Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur, Malaysia
Fax : +603-2859 2588
Email : nazri.u@felda.net.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,

Aini Nazurah Mohd Zi

Penyelaras Skim

Trans Certification International Sdn Bhd